

Najib berlepas pulang selepas menghadiri sidang kemuncak ASEAN
The Malaysian Insider
05 April , 2012

KUALA LUMPUR, 5 April — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berlepas pulang semalam selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-20 selama dua hari, di Phnom Penh.

Najib diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Pada sidang kemuncak itu, Najib turut menyertai pemimpin ASEAN lain dalam mesyuarat bersama wakil Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN, wakil Organisasi-organisasi Masyarakat Awam dan wakil-wakil belia, lapor Bernama Online.

Najib dan Rosmah turut membuat kunjungan hormat terhadap Raja Kemboja Norodom Sihamoni di Royal Palace.

Perdana Menteri bersama pemimpin-pemimpin ASEAN menyertai sesi Peremukiman Sidang Kemuncak itu dan sesi rumusan di Peace Palace semalam.

Najib juga menghadiri Sidang Kemuncak Keenam Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Sidang Kemuncak Kelapan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) di Phnom Penh.

Beliau mengakhiri lawatan kerjanya dengan menyampaikan ucap-tama pada Forum Kepimpinan ASEAN Ke-9 di sebuah hotel.

Najib yang genap tiga tahun menjadi perdana menteri semalam, diberi kejutan dengan hadiah sebiji kek oleh kakitangan Pejabat Perdana Menteri dan semua rakyat Malaysia yang terlibat dalam sidang kemuncak itu.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-berlepas-pulang-selepas-menghadiri-sidang-kemuncak-asean/>